

Keluarga zahir penghargaan kepada pasukan SAR

NILAI - Keluarga Nora Anne Quoirin mengucapkan terima kasih kepada pasukan penyelamat Malaysia atas usaha mereka mencari remaja Ireland berusia 15 tahun itu yang hilang dari resort The Dusun, Pantai di sini sejak Ahad.

Ucapan itu dizahirkan dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Lucie Blackman Trust, sebuah badan amal British yang menyokong rakyatnya apabila berlaku krisis di luar negara, ketika usaha mencari dan menyelamat (SAR) memasuki hari kelima semalam.

"Keluarga Nora ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia, pasukan SAR dan perkhidmatan kecemasan, untuk segala usaha yang telah dilakukan untuk kami pada waktu yang sukar ini.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedutaan kami, masyarakat setempat dan kakitangan hotel di sini dan sesiapa sahaja yang telah menawarkan bantuan untuk mencari Nora. Kami juga mengalu-alukan bantuan polis Perancis, British dan Ireland," menurut keluarga itu dalam kenyataan tersebut.

Menurut kenyataan tersebut, keluarga itu juga terharu dengan sokongan yang mereka terima dari seluruh dunia kerana pengalaman itu dianggap 'sangat traumatik bagi seluruh keluarga' sehingga kedua-dua ibu bapanya, Meabh dan Sebastian sangat berduka-cita dan terlalu sedih untuk bercakap pada masa ini.

Katanya, keluarga itu juga tetap berharap dan meminta semua orang untuk terus mendoakan remaja itu dan terus menyokong usaha pencairiannya. - Bernama



PASUKAN SAR meredah hutan dan belukar serta sungai dalam operasi mencari Nora Anne di sekitar Resort The Dusun Pantai Hill, Nilai semalam.

Polis percaya remaja lembam berada dalam radius pencarian sejauh 6 kilometer

Guna suara ibu cari Nora Anne

SEREMBAN - "Nora darling, Nora I love you, mum is here".

Itu antara ayat daripada rakaman suara Meabh Jaseprine Quoirin, ibu kepada Nora Anne Quoirin (gambar kecil), 15, yang 'bergema' dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) remaja itu semalam.

Panggilan ibu remaja itu mula kedengaran di sekitar kawasan hutan itu sejak tengah hari semalam apabila pasukan mencari dan menyelamat memainkan rakaman suara wanita itu memanggil anaknya melalui alat pembesar suara dalam usaha mengesan remaja berkenaan.

Rakaman itu akan terus dimainkan pada alat pembesar suara dan telefon anggota di enam zon pencarian sepanjang operasi mencari dan menyelamat yang dijalankan



INILAH penginapan yang didiami Nora Anne dan keluarga di Resort The Dusun Pantai Hill, Nilai sejak Sabtu lalu.


secara bersepadu membatikan lebih 200 anggota dengan diketuai unit Senoi Praaq, Senoi Praaq merupakan salah satu unit dalam Polis Diraja Malaysia.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, pihaknya merakam suara ibu Nora Anne iaitu ahli keluarga yang paling rapat dengan

mangsa pagi semalam.

"Ia antara usaha kita untuk mencari mangsa kerana kita yakin dia masih berada di kawasan sekitar iaitu dalam radius pencarian sejauh 6 kilometer," katanya pada sidang akhbar di Balai Polis Pantai di sini semalam.

Nora Anne dilaporkan hilang dari Resort The Dusun Pantai Hill



dekat sini pada pagi 4 Ogos lalu semasa sedang bercuti bersama ibu bapanya, Meabu Jaseprine Quoirin, 46, dan Sebastian Marie Philippe, 47, serta dua adiknya.

Semasa kejadian, mangsa tidur dalam bilik bersama Innes Julia, 12, dan Maurice Arthure, 8, sebelum adiknya mendapati gadis tersebut sudah tiada kira-kira

pukul 8.30 pagi.

Mangsa bersama ahli keluarganya tiba di resort berkenaan pada pukul 7 pagi, 3 Ogos lalu.

Dalam pada itu, ujarinya, pihak polis tidak menggalakkan ahli keluarga mangsa menyertai operasi SAR atas faktor keselamatan.

Mohamad berkata, Nora Anne dipercayai keluar dari tingkat resort yang diinap mereka sekeluarga dan kesan cap jari di tingkat berkenaan masih dalam siasatan.

Terdahulu, Mohamad berkata, Pasukan Gerakan Udara dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut membantu pencarian menggunakan pesawat jenis AS 355N dan peralatan jenis Wescam Air Surveillance yang boleh mengambil visual dari udara dengan kebolehan mengesan objek atau manusia.

"Setiap pasukan SAR bukan saja membuat pencarian di trek biasa malah melalui kawasan hutan yang sukar. Penggunaan dron juga diteruskan namun masih gagal mengesan mangsa," ujarinya.